

30

Peraduan karang esei sempena Maulud

Pencak Silat
19 JAN 1980
PERIPENSIS akan menganjurkan satu peraduan mengarang esei sempena merayakan hari keputeraan Nabi Muhammad.

Ia terbuka kepada semua penduduk di Singapura dan dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian A ialah untuk peserta-peserta antara 10 dengan 12 tahun dan tajuk esainya ialah "Perjuangan Nabi Muhammad s.a.w. sesudah menjadi Rasul." Ia hendaklah ditulis antara 200 hingga 300 patah perkataan.

Peserta

Bahagian B untuk peserta-peserta yang berusia antara 13 dengan 17 tahun dengan tajuk "Ketegasan Saiyidina Omar r.a. sebagai Pemimpin Islam" antara 500 hingga 700 patah perkataan.

Bahagian C untuk peserta-peserta antara 18 dengan 25 tahun dengan tajuk "Islam sebagai satu ideologi untuk manusia sejagat" antara 1,000 hingga 1,500 patah perkataan.

Para peserta boleh mengarang dalam Bahasa Melayu, Inggeris atau Arab dan setiap penyertaan mestilah disertakan nama, nombor Kad Pengenalan, alamat, umur dan tarikh lahir.

Bagi Bahagian A pemenang pertama akan menerima hadiah \$100, kedua \$50 dan ketiga \$25 dan saguhati \$10.

Bahagian B hadiah pertama bernilai \$150, kedua \$75, ketiga \$50 dan saguhati \$20.

Bahagian C pula, hadiah pertama \$200, kedua \$100, ketiga \$75 dan saguhati \$20.

Esei-esei hendaklah ditulis dengan terang atau ditaip dan hendaklah sampai di meja Setiausaha Peraduan Mengarang Esei, Persatuan Islam dan Pencak Silat Singapura (Peripensis), 9 Ipoh Lane, Singapura 1543, paling lewat 28 Februari.

Silat A-bangsa masih tunggu Brunei untuk jadi ahli

Pencak Silat
23 JAN 1980
PERSEKUTUAN Silat Antarabangsa yang baru ditubuhkan oleh tiga negara Asean — Malaysia, Singapura dan Indonesia — kini masih menunggu jawapan dari Brunei untuk turut menjadi anggota persekutuan ini.

Brunei, telah diundang untuk menjadi anggota persekutuan tersebut sejak September tahun lepas semasa kumpulan-kumpulan silat dari tiga negara tersebut bertemu dengan beberapa orang anggota pesilat dari Brunei yang turut serta dalam Sukan Asia Tenggara di Jakarta.

Demikian dinyatakan oleh Encik Johari Uriff, Setiausaha Agung Persekutuan Seni Silat Singapura (Persisi) ketika menjelaskan kemasukan 11 buah badan kerabat pencak silatnya untuk bergabung bersama kumpulan-kumpulan Ikatan Pencak Silat Indonesia (Ipsi) dan Kumpulan Silat dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.

Seni pertahanan diri

Dalam usaha untuk meluaskan para anggotanya di kalangan negara-negara Asean, usaha-usaha kini telah dijalankan untuk menarik Thailand dan Filipina menjadi anggota persekutuan ini.

Beberapa orang pegawai Ipsi, tambah Encik Johari, telah pergi ke Bangkok bulan lepas untuk meninjau daerah-daerah yang dikatakan giat dalam seni mempertahankan diri.

Mereka juga akan meninjau ke daerah-daerah di Filipina yang juga dipercayai terdapat kegiatan-kegiatan seni mempertahankan diri yang ada unsur-unsur silat.

Setelah peringkat awal penubuhannya berjaya, besar kemungkinannya para anggota persekutuan ini akan diperluaskan ke negara-negara Eropah, Belanda, Amerika Syarikat dan Jerman Barat.

"Perkembangan seni silat juga telah popular di negara-negara tersebut setelah dibawa oleh para pesilat dari Indonesia umpamanya, yang telah bermustahin di sana," terang Encik Johari.

Satu sistem peraturan dan undang-undang 'silat olahraga' di kalangan negara-negara anggotanya, untuk mengadakan berbagai kegiatan pertandingan silat, menerbitkan filem-filem penerangan mengenai cara-cara bersilat dan membentuk jawatankuasa pimpinannya akan diadakan di Kuala Lumpur pada Mac depan sempena upacara pengistiharan tertubuhnya persekutuan ini.

Pertunjukan

Pencak Silat
19 JAN 1980
SENI Silat Cekak akan mengadakan pertunjukan silat sempena menyambut ulangtahunnya yang ke-12, mulai 7.30 malam 23 Februari, di Balai Rakyat Kaki Bukit, Jalan Damai.